

09 JUL 1996

Pelukis-Mayat

PELUKIS TERKEJUT DIBERI TUGAS MELUKIS MAYAT YANG DIKERAT

IPOH, 9 Julai (Bernama) -- Seorang pelukis tempatan, Mohd Yusof Mohd Baki, 35, yang diminta melukis wajah mayat wanita yang dijumpai dikerat tujuh bahagian di sini, baru-baru ini berkata, ia merupakan satu pengalaman yang menggerunkan.

Gambar komposit wajah wanita itu dikeluarkan polis pada Sabtu lepas supaya warisnya dapat mengecamnya.

Mayat wanita itu dijumpai dalam tiga beg plastik sampah di dua tempat berasingan di longkang dekat pasaraya Parkson Ria oleh dua pekerja Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) pada 2 Julai lepas.

Dua bungkusan mengandungi anggota badannya tanpa kepala, kaki dan tangan manakala bungkusan ketiga yang ditemui sehari kemudian, mengandungi kepala dan kedua-dua pasang kaki dan tangan.

Mohd Yusof yang ditemui pemberita di kedai potraitnya hari ini bagaimanapun menyatakan rasa gembira kerana pihak polis menaruh kepercayaan terhadapnya untuk melukis lakaran gambar wanita itu.

Beliau juga pernah melukis gambar-gambar potrait termasuk gambar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Sultan Perak Sultan Azlan Shah.

Mohd Yusof berkata, ini merupakan kali pertama beliau diberi kepercayaan untuk melukis wajah mayat dan berasa ngeri kerana terpaksa membelek beberapa kali muka tersebut sebelum melukiskannya pada sekeping kertas.

Beliau yang berasal dari Taman Kledang di sini memulakan kerjayanya sebagai pelukis selepas tamat persekolahan di Sekolah Menengah Methodist (ACS) dan tidak pernah mendapat pendidikan asas tentang cara-cara melukis.

Sebaliknya keyakinan diri serta minat dan usaha mengkaji teknik-teknik melukis daripada beberapa buah buku telah membantu dalam kerjayanya, kata Mohd Yusof.

Beliau pernah mengadakan pameran lukisan di Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA), Hotel Casurina, Muzium Darul Ridzuan serta beberapa pameran anjuran Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

Mohd Yusof berkata kebanyakan lukisannya yang dijual antara RM250 dan RM3,000, dilukis dengan menggunakan cara pembakaran gas atau lukisan minyak dan air.

Sementara itu Ketua Polis Bandaraya ACP R.Nadanarajah ketika dihubungi berkata, pihak polis sehingga ini masih belum menerima panggilan daripada pewaris mangsa yang dibunuh dengan kejam itu. -- BERNAMA

PBA PR